Abdul Rahman bin Mamat lwn Zakaria bin Senik dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — GUAMAN SIVIL NO 22–43 TAHUN 2000
NIK HASHIM H
15 DISEMBER 2002

***Tort** — Fitnah — Libel — Sama ada perkataan-perkataan yang diadukan adalah berunsur fitnah — Sama ada perkataan-perkataan berunsur fitnah merujuk kepada plaintif — Sama ada kegagalan memplidkan perkataan-perkataan fitnah di dalam pernyataan tuntutan membawa kepada pembatalan tindakan plaintif — Sama ada ia mudarat kepada kes plaintif*

Plaintif memulakan satu tindakan terhadap defendan-defendan untuk fitnah berhubung satu artikel yang ditulis dan diterbit dalam sebuah akhbar. Artikel tersebut melaporkan bahawa semasa sembahyang Jumaat di sebuah masjid, imam telah dicegah daripada membaca khutbah oleh seorang lelaki lain. Lelaki tersebut kemudian membaca khutbah itu sendiri. Artikel tersebut terus mengatakan bahawa lelaki yang satu lagi tidak memiliki kelayakan yang perlu untuk menjadi imam dan membaca khutbah. Plaintif mendakwa artikel tersebut merujuk kepadanya walaupun beliau tidak dinamakan di dalam artikel tersebut. Di dalam pembelaan mereka, defendan-defendan mengatakan bahawa artikel tersebut tidak merujuk kepada plaintif, tidak berunsur fitnah dan di dalam pernyataan tuntutan plaintif tidak diplidkan perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif:

(1) Perkataan-perkataan fitnah yang didakwa adalah fakta material yang perlu dipetik kesemuanya di dalam pernyataan tuntutan. Bagaimanapun, di dalam kes semasa, dengan memakai prinsip di dalam *Karpal Singh a/l Ran Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161, mahkamah berpendapat bahawa kegagalan berbuat demikian tidaklah padah yang boleh membawa kepada pembatalan tindakan plaintif. Ini adalah kerana di dalam pernyataan tuntutannya, plaintif telah merujuk dengan khusus artikel tersebut dan artikel tersebut telah dijadikan ekshibit. Lagipun, kegagalan tersebut tidak memprejudiskan defendan-defendan di dalam menyediakan pembelaan mereka (lihat ms 43C–E); *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161 diikut.

(2) Adalah prinsip undang-undang bahawa perkataan-perkataan yang diadukan harus dibaca dan dipertimbangkan secara menyeluruh (lihat ms 44A–B); *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 393 dan *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408 dirujuk. Artikel tersebut, pada

keseluruhannya, sekiranya ia merujuk kepada plaintif sekalipun, adalah tidak berbentuk fitnah kerana ia berdasarkan kepada fakta kejadian yang telah berlaku dan status pembaca khutbah itu. Penerbitan artikel tersebut oleh defendan keenam cuma menggambarkan apa yang sebenar telah berlaku mengikut pandangan defendan pertama yang hadir semasa kejadian (lihat ms 44H–45B).

(3) Adalah tidak dinafikan bahawa artikel tersebut tidak menamakan plaintif atau sesiapa pun. Oleh itu, apa-apa fakta dan perkara daripada mana perkataan-perkataan yang telah disiarkan boleh dianggap sebagai merujuk kepada plaintif adalah fakta material dan ia hendaklah diplidkan. Malangnya fakta atau perkara ekstrinsik yang boleh menghubungkaitkan perkataan-perkataan tersebut sebagai merujuk kepada plaintif tidak diplidkan. Kewujudan saksi-saksi plaintif juga tidak diplidkan. Jadi dalam hal ini, kesemua keterangan mereka tidak boleh diterima atas isu pengenalan plaintif dan untuk apa juga perkara lain di dalam tindakan ini terhadap defendan keenam (lihat ms 45B, 46A–C).

(4) Plaintif telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan di dalam artikel tersebut berupaya membawa maksud fitnah terhadapnya. Oleh itu, plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan. Jikapun terdapat kausa tindakan, tuntutan plaintif akan gagal kerana pembelaan justifikasi defendan pertama dan pembelaan perlindungan bersyarat dan komen berpatutan defendan keenam adalah bermerit. Artikel tersebut adalah satu laporan yang seimbang berdasarkan kepada fakta insiden yng telah berlaku (lihat ms 46G–H).

[English summary

The plaintiff brought an action against the defendants for defamation in respect of an article written and published in a newspaper. The article reported that during a Friday prayer at a mosque, the imam was prevented from giving a sermon by another man. That other man then gave the sermon himself. The article then went on to say that the other man did not have the necessary credentials to be an imam or to give the sermon. The plaintiff alleged that the artile referred to him eventhough he was not named in it. In their defence, the defendants contended thet the article did not refer to the plaintiff, the article was defamatory and that in the plaintiff's statement of claim did not plead any of those alleged defamatory words.

Held, dismissing the plaintiff's claim:

(1) The alleged defamatory words are material facts and must be pleaded in the statement of claim. However, in the present case, by applying the principle in *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP*

Vijandran [2001] 4 MLJ 161, the court was of the opinion that the failure to plead the same was not fatal as to dismiss the plaintiff's cause of action. This was because in the plaintiff's statement of claim, the plaintiff referred to the article and the article was tendered as an exhibit. Furthermore, the failure did not prejudice the defendants in preparing for their defence (see p 43C–E); *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161 followed.

(2) It is trite law that the words alleged must be read and considered as a whole (see p 44A–B); *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd* [1996] 1 MLJ 393 dan *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408 referred. The article, as a whole, even if it refers to the plaintiff, was not defamatory since it was based on the facts of the event that occurred and the status of the person who gave the sermon. The publication of the article by the sixth defendant was merely a report of what had happened from the view of the first defendant who was present at the scene when it happened (see pp 44H–45B).

(3) It was not disputed that the article did not name the plaintiff or anyone else. Therefore, whatever facts from which the words could be implied as to refer to the plaintiff was material and must be pleaded. Unfortunately, the facts or the extrinsic evidence that could link the said words complained of to the plaintiff was not pleaded. The existence of the plaintiff's witnesses was also not pleaded. Hence, their evidence could not be accepted upon the issue of the identity of the plaintiff or for other issues in the action against the sixth defendant (see pp 45B, 46A–C).

(4) Plaintiff had failed to discharge the burden of proving that the words in the article had defamed him. Therefore, the plaintiff did not have any cause of action against the defendants. Even if there was a cause of action, the plaintiff's claim would fail because the first defendant's defence of justification and the sixth defendant's defence of qualified privilege and fair comment were with merit. The article was a balanced report based on the facts of the incident that happened (see p 46G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai libel, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 263–352.

Kes-kes yang dirujuk

Institute of Commerce Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd [1993] 1 MLJ 408 (dirujuk)

Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran [2001] 4 MLJ 161 (diikut)

Lim Kit Siang v Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors [1997] 5 MLJ 523 (dirujuk)

A *Morgan v Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239 (dirujuk)
Tun Datuk Patinggi Hj Abdul Rahman Ya'akub v Bre Sdn Bhd & Ors [1996] 1 MLJ 393 (dirujuk)
United Malayan Banking Corp Bhd v Palm & Vegetable Oils (M) Sdn Bhd & Ors [1983] 1 MLJ 206 (dirujuk)

B

Undang-undang yang dirujuk

Akta Fitnah 1957 s 12(2)
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 ss 169(1), 200
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 7, A 18 k 8, A 35A

C

Wan Roslan bin Wan Othman (*Wan Rosli bin Wan Othman* bersama beliau) (*Roslan & Rosli*) bagi pihak plaintif.
Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (*Wan Rozita Saniah bte Wan Hassan* bersama beliau) (*Adnan & Wee*) bagi pihak defendan pertama.
Mohana Kumar (*Shafie & Mohan*) bagi pihak defendan keenam.

D

Nik Hashim H: Plaintif, 43 tahun, seorang pekerja kampung dan pendakwah, yang berkelulusan dalam pengajian Islam dari Universiti Damsyik, Syria, telah mendakwa kenyataan akhbar yang dibuat oleh defendan pertama yang kemudiannya telah diterbitkan oleh *Mingguan Malaysia* ('MM') pada hari Ahad 6 Ogos 2000, suatu penerbitan defendan
E keenam, bersifat fitnah. Berita tersebut yang disiarkan di ms 4 MM membawa tajuk: 'Lagi insiden rebut jadi imam', dan tajuk tersebut diikuti dengan laporan seperti berikut:

> BESUT 5 Ogos — Isu perebutan kuasa menjadi imam di Masjid Kampung Gong Duek, dekat sini baru-baru ini kini menular di Masjid Kampung
F Guntung Luar, Setiu.
>
> Di masjid berkenaan, imam bertauliah Abd Rahim Maarif telah dihalang daripada membaca khutbah Jumaat.
>
> Menurut seorang jemaah, Zakaria Senik, sebaik sahaja imam Abd Rahim berdiri untuk membaca khutbah secara tiba-tiba dihalang oleh seorang lelaki yang merampas tongkat khatib.
G
> Lelaki berkenaan yang juga disifatkan sebagai seorang imam tidak bertauliah kemudian membaca khutbah.
>
> Zakaria, 44, bekas ahli jawatankuasa masjid tersebut berkata, kejadian itu berlaku secara tiba-tiba menyebabkan para jemaah terkejut dan terpinga-pinga seketika.
H
> 'Kejadian ini merupakan yang pertama kali berlaku di masjid kampung ini dan ia amat menyedihkan serta memeranjatkan kami,' katanya ketika ditemui di Kampung Pengkalan Nyireh dekat sini malam tadi.
>
> Berikutan itu, Zakaria turut membayangkan kebimbangan yang mungkin boleh menjurus kepada perpecahan di kalangan umat Islam setempat.
I
> Sehubungan itu, beliau meminta supaya semua pihak terutama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) bertindak segera menangani masalah itu daripada dibiar menjadi lebih teruk.

Zakaria bagaimanapun tidak pasti sama ada berlaku suasana tegang selepas berlaku insiden yang tidak diduga itu. A

Di sebelah berita itu terpapar pula gambar defendan pertama dan di bawah gambar tersebut tercatat nama 'ZAKARIA SENIK', dan keratan akhbar MM yang mengandungi laporan itu telah dikemukakan sebagai eks P2.

Pada hari perbicaraan pihak peguamcara bagi pihak plaintif telah menarik balik tindakan terhadap defendan kedua, ketiga, keempat dan kelima. Atas penarikan itu, mahkamah telah membatalkan tindakan terhadap mereka. B

Kes plaintif C

Plaintif dalam pernyataan tuntutannya antara lain mengatakan:

18 Pada 6 haribulan Ogos tahun 2000, akhbar MM, yang disiarkan di seluruh negara, juga telah menyiarkan satu artikel bertajuk 'Lagi Insiden Rebut Jadi Imam' yang menyatakan satu kenyataan yang bersifat fitnah dan bertujuan untuk merosakkan reputasi serta karektor dan peribadi plaintif. (Kenyataan akhbar tersebut akan dikemukakan ke perhatian mahkamah sewaktu perbicaraan). D

19 Pada artikel yang tersebut di perenggan 18 di atas, plaintif telah dituduh oleh defendan keenam sebagai seorang yang berniat jahat dan menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamatnya kerana plaintif telah dituduh menghalang imam masjid untuk menjalankan tugasnya dan merampas tongkat serta telah bertindak membaca khutbah dengan sendirinya. E

20 Defendan keenam tanpa usul periksa telah dengan sengaja menulis, menyiarkan dan mencetak tuduhan yang tersebut di perenggan 19 di atas ke sebaran seluruh Malaysia dan bertujuan untuk memfitnah plaintif dan menimbulkan keaiban terhadap karektor dan peribadi plaintif. F

21 Pada masa-masa material dan pada kesemua artikel yang terdapat dalam akhbar berkenaan menyatakan dengan jelas bahawa sumber berita adalah daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh defendan pertama yang menyatakan bahawa beliau menyaksikan insiden tersebut dan telah dengan sengaja memfitnah plaintif.

22 Plaintif menegas bahawa tuduhan yang dibuat oleh defendan-defendan adalah bersifat fitnah dan tidak benar serta tidak berasas sama sekali kerana kejadian tersebut tidak pernah berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh akhbar berkenaan melainkan ianya hanyalah bertujuan untuk merosakkan karektor dan peribadi beliau selaku seorang yang dihormati dan dikenali di kawasan beliau dan juga bertujuan untuk merosakkan karier selaku seorang penceramah bebas dan pendakwah yang tugasnya meliputi seluruh negeri Terengganu. G H

23 Plaintif juga menegaskan bahawa disebabkan tuduhan oleh defendan-defendan, plaintif telah mendapat malu dan aib yang amat ketara serta menjadi bahan ketawa kerana dituduh menghalang imam menjalankan tugasnya dan merampas tongkat imam berkenaan. I

Plaintif mendakwa oleh kerana defendan pertama dan keenam telah mengaib dan mengeluarkan kenyataan fitnah terhadapnya, maka plaintif

menuntut ganti rugi sebanyak RM1,000,000, dan faedah serta kos atas dasar peguam-anak guam terhadap mereka.

Kes defendan pertama

Defendan pertama dalam pembelaannya menegaskan bahawa:

(1) Maklumat yang diberikan oleh defendan pertama dalam temuramah tersebut adalah merupakan pernyataan ikhlas (innocent statement) yang dibuat secara bona fide dan jujur bertujuan semata-mata untuk menceritakan kejadian yang berlaku tanpa dimaksudkan untuk memfitnah plaintif apatah lagi untuk merosakkan karektor dan peribadi plaintif ... .

(2) Pernyataan dalam artikel MM yang melibatkan defendan pertama tidak pernah merujuk kepada plaintif atau sesiapa sekalipun baik secara terus ('direct') atau tersirat ('indirect'). Malah, defendan pertama tidak pernah menamakan plaintif di dalam artikel tersebut.

(3) Pernyataan dalam artikel tersebut yang melibatkan defendan pertama hanyalah merupakan pernyataan fakta semata-mata.

(4) Pernyataan dalam artikel tersebut ... hanyalah merupakan ulasan dan pandangan peribadi defendan pertama terhadap soalan yang dikemukakan kepada beliau.

(5) Plaintif gagal memberikan kenyataan sebenar apakah pernyataan di dalam artikel tersebut yang didakwa oleh plaintif sebagai bersifat fitnah dan merosakkan reputasi serta karektor dan peribadi plaintif.

(6) Kejadian yang dilaporkan dalam artikel tersebut benar-benar berlaku dan defendan pertama akan mengemukakan butir-butir dan saksi-saksi di hari perbicaraan kelak.

Seterusnya, defendan pertama memohon agar tuntutan plaintif ditolak dengan kos dan dalam tuntutan balasnya defendan pertama menuntut kos elaun harian peguamnya sebanyak RM250 bagi setiap kehadiran dan kos kepeguaman berjumlah RM25,000 serta faedah.

Kes defendan keenam

Defendan keenam dalam pembelaannya antara lain mengatakan bahawa:

(1) Laporan yang diadukan tidak merujuk kepada plaintif.

(2) Pernyataan tuntutan plaintif tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan.

(3) Laporan yang diadukan tidak memfitnahkan plaintif atau boleh membawa maksud fitnah atau berkeupayaan membawa maksud-maksud yang diplidkan dalam pernyataan tuntutan dan/atau apa jua makna fitnah.

(4) Sekiranya laporan yang diadukan merujuk kepada plaintif dan memfitnahkan plaintif seperti yang didakwa dan yang mana dinafikan oleh defendan keenam, laporan yang diadukan adalah dilindungi oleh

pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege) di bawah s 12(2) Akta Fitnah 1957 ('Akta tersebut'). A

(5) Selanjutnya atau secara alternatif, laporan yang diadukan adalah komen berpatutan yang dibuat tanpa niat jahat atas perkara berkepentingan awam iaitu wujudnya perpecahan perpaduan yang ketara di kalangan umat Islam di Terengganu berlandaskan perbezaan politik di antara penyokong parti politik PAS dan parti politik UMNO. B

Butir-butir pembelaan defendan keenam telah diplidkan dengan terperinci dalam pernyataan pembelaannya.

Adalah diperhatikan bahawa pihak plaintif telah memfailkan pembelaannya kepada tuntutan balas defendan pertama, dan plaintif tidak memfailkan jawapan kepada pembelaan defendan keenam dalam tindakan ini. C

Bagi menyokong kes masing-masing, pihak plaintif telah memanggil lima orang saksi dan defendan pertama seramai tiga orang saksi manakala defendan keenam seramai lima orang saksi. Dengan persetujuan semua pihak, saksi-saksi tersebut telah memberi keterangan dalam pemeriksaan utama mereka melalui afidavit menurut A 35A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), dan mereka telah disoal balas dan disoal semula semasa perbicaraan dalam mahkamah. D

E

Hujah defendan pertama

Daripada hujah bertulis dan lisan yang dikemukakan, peguamcara yang terpelajar bagi pihak defendan pertama mengatakan:

(1) pihak plaintif telah gagal untuk memplidkan dalam pernyataan tuntutannya satu persatu (verbatim) pernyataan fitnah yang didakwa dan kegagalan ini menyebabkan tindakan plaintif ke atas defendan pertama gagal dan memetik kes *Lim Kit Siang v Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* [1997] 5 MLJ 523 bagi menyokong hujahnya. F

(2) Plaintif telah gagal mewujudkan suatu kausa tindakan libel terhadap defendan pertama kerana fakta material yang mengaitkan kenyataan yang dikatakan fitnah di dalam P2 tidak diplidkan di dalam pernyataan tuntutan plaintif. G

(3) Kenyataan dalam P2 adalah benar dari segi substans dan fakta dan ia tidak mempunyai unsur-unsur fitnah terhadap plaintif kerana plaintif tidak mempunyai tauliah untuk menyampaikan khutbah pada hari tersebut. H

Hujah defendan keenam

Selain menerima pakai hujah defendan pertama, peguamcara yang terpelajar bagi pihak defendan keenam menegaskan bahawa: I

(1) Plaintif juga telah gagal mewujudkan suatu kausa tindakan libel terhadap defendan keenam atas alasan yang sama seperti (2) di atas.

A (2) Sekiranya P2 merujuk kepada plaintif dan memfitnah plaintif maka kenyataan itu adalah dilindungi oleh pembelaan perlindungan bersyarat dan komen berpatutan yang dibuat tanpa niat jahat atas perkara berkepentingan awam.

B *Hujah plaintif*

Bagi menjawab hujah-hujah defendan pertama dan keenam, peguamcara yang terpelajar bagi pihak plaintif dalam hujahnya antara lain berkata:

(1) Kegagalan pihak plaintif memetik kandungan P2 secara verbatim dalam pernyataan tuntutan tidak terjejas kes plaintif sehingga ia boleh
C ditolak atau terbatal. Tajuk P2 itu sendiri adalah bersifat fitnah dan sensasi yang mana disokong oleh kandungan P2 yang telah dikemukakan sebagai eksibit.

(2) P2 adalah merujuk kepada plaintif. Sesiapa yang membaca P2 dan mengetahui atau kenal akan diri plaintif akan mencapai dan membuat kesimpulan bahawa orang yang dimaksudkan di dalam P2 adalah
D plaintif. Lagipun, defendan pertama dalam keterangannya telah mengakui bahawa orang yang dimaksudkannya dalam P2 adalah plaintif.

(3) Pembelaan justifikasi oleh defendan pertama gagal kerana tidak ada perbuatan rebutan dan menghalang imam secara fizikal pernah
E berlaku dalam kes ini. Plaintif telah diminta membaca khutbah pada hari tersebut.

(4) Pembelaan perlindungan bersyarat defendan keenam di bawah Akta tersebut tidak terpakai kerana kenyataan tersebut tidak dibuat dalam public meeting.

F (5) Pembelaan komen berpatutan defendan keenam gagal kerana P2 ialah suatu pengisahan fakta secara berlebihan dan dilaporkan secara tidak tulen dan jujur.

Keputusan kes

G Untuk mewujudkan suatu kausa tindakan fitnah terhadap defendan-defendan, plaintif adalah dikehendaki terlebih dahulu membuktikan tiga perkara, iaitu:

(1) perkataan-perkataan yang diadukan itu adalah bersifat fitnah;

H (2) sekiranya perkataan-perkataan itu bersifat fitnah, ia adalah merujuk kepada plaintif; dan

(3) perkataan-perkataan tersebut telah disiarkan kepada pihak ketiga.

Bagi unsur (3) di atas, P2 telah disiarkan ke seluruh negara melalui MM bertarikh 6 Ogos 2000 dan ia tidak dipertikaikan. Jadi, unsur-unsur (1) dan
I (2) sahaja yang perlu saya tumpukan.

Adalah menjadi tanggungjawab pihak plaintif di sisi undang-undang untuk terlebih dahulu membuktikan dua perkara di atas sebelum beban

pembuktian berpindah kepada defendan-defendan untuk membuktikan pembelaan mereka. Sekiranya jawapan kepada dua perkara tersebut adalah negatif, maka tindakan itu akan berakhir, dan kes itu ditolak tanpa mahkamah menimbang lagi apa-apa pembelaan defendan-defendan (sila lihat *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393).

Keperluan memetik perkataan-perkataan fitnah dalam pernyataan tuntutan

Di dalam undang-undang fitnah, perkataan-perkataan yang diadukan sebagai fitnah adalah penting dan ia perlu diberi perhatian. *Gatley on Libel and Slander*, 9th Edn, 1998 di perenggan 26.11 menyebut:

> In a libel the words used are the material facts and must therefore be set out verbatim in the statement of claim, preferably in the form of a quotation: it is not enough to describe their substance, purport or effect. The law requires the very words of the libel to be set out in the declaration in order that the court may judge whether they constitute a ground of action.

Peringatan *Gatley* di atas itu telah diterima pakai oleh Zainun Ali PK (beliau ketika itu) dalam kes *Lim Kit Siang* supra. Di dalam kes itu, plaintif telah gagal untuk memetik kesemuanya kenyataan fitnah yang didakwa di dalam pernyataan tuntutannya. Dalam membatalkan tindakan plaintif dengan kos, mahkamah itu memutuskan (di ms 523):

> (1) The alleged defamatory words as uttered must be reproduced in verbatim in the statement of claim ... . To merely describe the substance, purpose or effect of the words was not sufficient. What was important was not the fact that the ... defendant had used the defamatory expression but the fact of his having used those defamatory expressions as alleged. Since the alleged defamatory words as pleaded in the plaintiff's statement of claim (even if it captured the essence of what the first defendant said) was based on the newspaper report and therefore the product of the reporter's journalistic skills, the statement of claim did not disclose any cause of action against the ... defendant.

Kes *Lim Kit Siang* telah dirujuk oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran* [2001] 4 MLJ 161 di mana isu yang sama telah timbul sama ada kegagalan plaintif memetik keseluruhan kenyataan akhbar yang dikeluarkan dalam pernyataan tuntutan boleh menyebabkan pliding plaintif cacat. Abdul Hamid Mohamad HMR, dalam menyampaikan keputusan mahkamah di ms 178 berkata:

> ... there is neither statutory provision nor rules of court that the actual words must be pleaded in toto failing which the action fails ... . We must look at the purpose, what prejudice it causes to a defendant in putting up his defence, in short the justice of the case. ... Where the libel turns on the meaning of a particular word or words of course the words ... must be pleaded, indeed the whole sentence and may be the paragraph should be pleaded so that the word used can be understood in the proper context it was used. Here, we are concerned with statements of facts. There are no two meanings to them. It was not even challenged before us that they have other meanings. There is clearly no prejudice to the appellant.

A In the circumstances, I am of the view that even though the press statement was not quoted in toto in the statement of claim, the failure to do so, in the circumstances of this case, is not fatal. I say so for the following reasons:

(a) The statement of claim did refer to the press statement;

B (b) The press statement was produced as an agreed document;

(c) The material words pleaded are substantially, in fact almost word for word the same as the undisputed words used in the press statement;

(d) The impugned words are statements of facts and bears only one meaning which is not in dispute;

(e) It is not disputed at least in this appeal that the words are defamatory;

C (f) The pleading does not in any way prejudice the appellant's defence. It is not even alleged, at least in this appeal, that the pleading has in some way prejudiced the appellant in the preparation of his defence.

Sementara saya bersetuju bahawa perkataan-perkataan fitnah yang didakwa adalah fakta material yang perlu dipetik kesemuanya dalam pernyataan D tuntutan, namun dalam keadaan kes ini, memakai prinsip kes *Karpal Singh* di atas, saya berpendapat kegagalan pihak plaintif menghasilkan semula kata demi kata kenyataan dalam P2 ke dalam pernyataan tuntutannya tidaklah padah yang boleh membawa kepada pembatalan tindakan plaintif semata-mata atas kegagalan itu. Ini adalah kerana pernyataan tuntutan plaintif ada merujuk kepada artikel yang khusus di bawah tajuk 'Lagi E insiden rebut jadi imam' dalam akhbar MM bertarikh 6 Ogos 2000, dan artikel tersebut telah dikemukakan sebagai eks P2 dengan persetujuan semua pihak. Lagipun, kegagalan tersebut tidak memprejudiskan defendan pertama dan keenam dalam menyediakan pembelaan mereka. Malah pembelaan mereka adalah jelas merujuk kepada P2 pada keseluruhannya.

F

Sama ada P2 bersifat fitnah

Pihak plaintif mendakwa bahawa pada maksud lazim dan biasa artikel P2 bertajuk 'Lagi insiden rebut jadi imam' dan kandungannya adalah bersifat fitnah bertujuan untuk merosakkan reputasi, karektor dan peribadi plaintif, G sebagai seorang yang berniat jahat dan menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamatnya kerana dia telah menghalang imam masjid untuk menjalankan tugasnya dan merampas tongkat serta telah bertindak membaca khutbah dengan sendirinya.

Pada hemat saya, kalau tajuk 'Lagi insiden rebut jadi imam' dibaca H dengan ayat-ayat 'Di masjid berkenaan, imam bertauliah Abd Rahim Maarif telah dihalang daripada membaca khutbah Jumaat', dan 'Menurut seorang jemaah, Zakaria Senik, sebaik sahaja imam Abd Rahim berdiri untuk membaca khutbah secara tiba-tiba dihalang oleh seorang lelaki yang merampas tongkat khatib', sudah tentu ayat-ayat tersebut berkeupayaan membawa maksud fitnah kerana ayat-ayat itu adalah diperhitungkan untuk I mengakibatkan orang yang merampas tongkat itu dibenci atau dihina sebagai seorang jahat dalam pandangan ahli-ahli masyarakat yang berfikiran waras secara amnya. Akan tetapi ayat-ayat tersebut tidak berhenti di situ

sahaja. Artikel itu seterusnya diikuti pula dengan ayat: '*Lelaki berkenaan yang juga disifatkan sebagai seorang imam tidak bertauliah kemudian membaca khutbah.*' A

Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa perkataan-perkataan yang diadukan harus dibaca dan dipertimbangkan secara menyeluruh dan bukan secara berasingan dalam konteks yang betul dalam mana ia dibentangkan (sila lihat *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub*, supra; *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408). Jadi, kalau tajuk dan semua ayat-ayat tersebut dibaca pada keseluruhannya, maka kesan fitnah daripada penggunaan perkataan-perkataan '*rebut*' dan '*merampas*' ke atas orang itu dihapuskan dengan kenyataan bahawa lelaki itu merupakan seorang yang tidak bertauliah. Dengan itu, saya dapati kesemua kenyataan dalam artikel P2 yang diadukan itu tidak lagi mendatangkan mudarat. B C

Mengikut *Kamus Lengkap 1990* '*rebut*' bererti mengambil atau mendapat sesuatu dengan kekerasan, manakala '*merampas*' bermakna mengambil sesuatu dengan tidak menurut undang-undang dan dengan kekerasan. Seksyen 169(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 ('Enakmen tersebut'), yang terpakai dalam kes ini, memperuntukkan: D

> Tidaklah boleh mana-mana orang bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat di mana-mana tempat kecuali dia seorang Imam, Khatib, atau Bilal yang dilantik di bawah Bahagian ini atau dia adalah seorang yang diberi kuasa oleh Jabatan untuk bertindak sedemikian berhubung dengan sembahyang Jumaat yang berkenaan itu. E

Manakala s 200 pula berbunyi:

> Barang siapa bertindak sebagai Imam, Khatib, atau Bilal berhubung dengan penunaian mana-mana sembahyang Jumaat, dengan menyalahi s 169 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. F

Jadi, sekiranya lelaki dalam artikel itu benar tidak dilantik sebagai imam atau khatib di bawah Enakmen tersebut atau tidak diberi kuasa oleh Jabatan untuk bertindak sedemikian, maka perkataan-perkataan '*rebut*' dan '*merampas*' seperti disiarkan dalam P2 tidak semestinya membawa pengertian bahawa wujudnya keganasan fizikal dalam kes ini. Dalam hubungan ini, saya dengan hormat, bersetuju dengan hujah peguamcara defendan pertama bahawa perkataan-perkataan '*rebut*' dan '*merampas*' dalam konteks ia digunakan juga boleh membawa maksud perbuatan salah yang bertentangan dengan undang-undang. Adalah diperhatikan dalam kes ini, plaintif dalam keterangannya telah mengaku bahawa beliau tidak mempunyai tauliah untuk bertindak sebagai imam atau khatib pada hari material, dan justeru itu, perbuatannya merupakan suatu kesalahan di bawah s 200 Enakmen tersebut. Jadi, dalam penghakiman saya, tajuk dan semua kenyataan dalam P2 pada keseluruhannya, sekira ia merujuk kepada plaintif sekalipun, adalah tidak berbentuk fitnah kerana ia berdasarkan kepada fakta kejadian yang telah berlaku dan status pembaca khutbah itu. G H I

A Adalah munasabah bagi defendan pertama menggunakan perkataan '*merampas*' apabila terdapatnya dua orang bangun serentak untuk mengambil tongkat: satu imam yang bertauliah (SP3) dan satu lagi tidak bertauliah iaitu, plaintif (SP1). Oleh itu, saya dapati penerbitan P2 yang dikeluarkan oleh defendan keenam cuma menggambarkan apa yang sebenar telah berlaku mengikut pandangan defendan pertama yang turut
B hadir semasa kejadian.

Sama ada P2 merujuk kepada plaintif

Adalah tidak dinafikan bahawa artikel dalam P2 tidak menamakan orang
C yang dikatakan merampas tongkat itu. Dengan lain perkataan, plaintif tidak dinamakan dalam P2. Tambahan pula, tarikh tepat bila insiden itu telah berlaku tidak juga dinyatakan dalam P2. Beban untuk membuktikan perkataan yang diadukan adalah fitnah terhadap plaintif terletak di atas plaintif, dan sekiranya dia gagal untuk melepaskan beban itu, maka dia tidak mempunyai kausa tindakan. Lord Donovan dalam *Morgan v Odhams*
D *Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239 di ms 1263 berkata:

> It is always for the plaintiff to prove that the defamatory words were published of and concerning him. The onus is firmly upon him, and if he does not discharge it, he has no cause of action.

E Di mana perkataan-perkataan yang diadukan tidak merujuk kepada plaintif, perkataan-perkataan itu masih boleh dipertimbangkan untuk merujuk kepada plaintif sekiranya perkataan-perkataan tersebut akan difahamkan oleh orang munasabah untuk merujuk kepada plaintif. Bagi maksud itu, adalah menjadi kewajipan plaintif untuk memplidkan di dalam pernyataan tuntutannya bagaimana atau berasaskan fakta apa plaintif membuat
F pengataan bahawa kenyataan dalam P2 merujuk kepadanya. Michael Gillooly dalam *The Law of Defamation in Australia and New Zealand*, 1998 di ms 72 berkata mengenai pliding:

> The usual way of pleading the identification element of the cause of action is to allege that the matter complained of was published '*of*' or '*of and concerning*' *the plaintiff*'. *Particulars of any extrinsic facts relied upon to establish the*
G *identification must be given.* (Penekanan ditambah.)

Manakala *Gatley* di perenggan 26.25 memberi peringatan:

> It is an essential part of the plaintiff's case to show that he is the person referred to by the defamatory words. Accordingly, where it is not absolutely
H clear on the face of the words that they refer to the plaintiff, eg where he is described by his initial letters, or by a fictitious name, or by the name of somebody else, or *where he is not mentioned at all*, the plaintiff should make clear in his pleading the basis on which he claims to have been identified as the subject of the words complained of. *He should set out the connecting facts which establish the link between himself and the words used, and he should make*
I *plain his case as to the existence of a person or persons who in fact linked him with the words by reason of their knowledge of those connecting facts. These matters are material facts which must be pleaded. If the plaintiff does not plead such fact sufficiently, his claim will be struck out.* (Penekanan ditambah.)

Oleh itu, apa-apa fakta dan perkara daripada mana perkataan-perkataan yang telah disiarkan boleh diinfer sebagai merujuk kepada plaintif adalah fakta material dan ia hendaklah diplidkan (sila lihat A 18 k 7 KMT). Malangnya dalam kes ini, tidak ada langsung fakta atau perkara ekstrinsik yang boleh menghubungkaitkan perkataan-perkataan yang diadukan sebagai merujuk kepada plaintif diplidkan. Kewujudan saksi-saksi plaintif SP2, SP3, SP4 dan SP5 merupakan fakta material dan kewujudan mereka tidak juga diplidkan di dalam pernyataan tuntutan plaintif untuk membuktikan rujukan kepada plaintif melalui innuendo. Malah soalan-soalan yang dikemukakan oleh peguamcara plaintif kepada saksi-saksi SP2 hingga SP5 semasa perbicaraan tidak pernah merujuk orang yang dimaksudkan dalam artikel P2 itu adalah plaintif. Jadi dalam hal ini, saya dengan hormat, bersetuju dengan hujah peguamcara defendan keenam bahawa kesemua keterangan SP2 hingga SP5 tidak boleh diterima atas isu pengenalan plaintif dan untuk apa juga perkara lain di dalam tindakan ini terhadap defendan keenam. Harus diingat, sebarang kekurangan dalam pernyataan tuntutan tidak boleh menjadi elok dengan keterangan afidavit (sila lihat *United Malayan Banking Corp Bhd v Palm & Vegetable Oils (M) Sdn Bhd & Ors* [1983] 1 MLJ 206).

Defendan pertama dan defendan keenam di dalam pernyataan pembelaan masing-masingnya telah selaras dengan A 18 k 8 KMT, secara nyata memplidkan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan itu tidak merujuk kepada atau berkeupayaan untuk merujuk kepada plaintif, dan defendan keenam juga memplidkan bahawa pernyataan tuntutan plaintif tidak mendedahkan satu kausa tindakan yang munasabah. Namun begitu, plaintif langsung tidak mengendahkan penegasan itu dan tidak mengambil langkah untuk meminda pernyataan tuntutannya supaya ianya dapat mendedahkan satu kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan pertama dan keenam. Keterangan plaintif sendiri di dalam keterangannya yang menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan itu merujuk kepada plaintif tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa beliau adalah orang yang dirujuk di dalam perkataan-perkataan yang diadukan itu kerana apa yang penting ialah tanggapan pihak ketiga.

Justeru, dalam penghakiman saya, pihak plaintif telah gagal membuktikan dengan sendirinya tanpa bergantung kepada keterangan pembelaan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan dalam P2 itu merujuk kepadanya atau berkeupayaan untuk merujuk kepadanya.

Jadi, jelas dalam kes ini, pihak plaintif telah gagal melepaskan beban pembuktian ke atasnya untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan dalam P2 berupaya membawa maksud fitnah terhadapnya. Oleh itu, plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan pertama dan keenam. Jika pun terdapat suatu kausa tindakan plaintif yang sah terhadap defendan pertama dan keenam, tuntutan plaintif juga akan gagal kerana pembelaan justifikasi defendan pertama dan pembelaan perlindungan bersyarat dan komen berpatutan defendan keenam dengan keterangan yang ada, adalah bermerit. Dalam penghakiman saya, artikel dalam P2 merupakan suatu laporan yang seimbang berdasarkan kepada fakta insiden yang telah berlaku. Oleh yang demikian, dengan pendapat itu, saya tidak

perlu lagi menimbang pembelaan defendan pertama dan keenam dengan lebih lanjut.

Mahkamah memandang insiden yang dilaporkan dalam P2 amatlah menyedihkan. la sepatutnya tidak berlaku. Adalah penting bagi semua pihak untuk sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang pentadbiran masjid kerana dengan pematuhannya sahaja, kesucian dan ketenteraman masjid serta keharmonian antara anak-anak qariahnya dapat dijaga dan dipelihara sepanjang masa.

Akhirnya, oleh kerana plaintif tidak mempunyai kausa tindakan, maka tindakan plaintif terhadap defendan pertama dan keenam adalah dengan ini ditolak dengan kos. Saya juga tolak tuntutan balas defendan pertama dengan kos kerana defendan pertama telah gagal membuktikannya.

Tindakan plaintif ditolak.

Reported by Lim Lee Na